

# Terengganu tangguh naik kadar bayaran air

» Kerajaan negeri kaji semula keputusan SATU elak kos tambahan kepada pengguna

Oleh Azman Mahmood  
azmanm@bh.com.my

## Kuala Terengganu

**K**erajaan negeri mengarahkan Syarikat Air Terengganu Sdn Bhd (SATU) menangguhkan apa saja keputusan yang membabitkan kenaikan bayaran air dan caj baru bagi sewa meter.

Menteri Besar, Datuk Ahmad Razif Abdul Rahman, berkata penangguhan itu bagi membolehkan kerajaan negeri mengkaji semula langkah yang boleh diambil anak syarikat kerajaan negeri itu tanpa mengenakan sebarang kos tambahan kepada pengguna.

"Saya sudah memaklumkan meminta SATU menangguhkan apa saja keputusan yang dibuat syarikat itu sebelum ini, termasuk mengenakan caj (sewa meter air).

### Elak tambahan bayaran

"Perkara ini perlu ditangguh untuk membolehkan kerajaan negeri melihat apakah yang boleh



Ahmad Razif bersalaman dengan pelajar dan kakitangan UniSZA pada Majlis Perasmian Minggu Mesra Siswa pelajar baru Diploma bagi sesi 2014/2015.

[FOTO SYAHIRAH ABDULLAH/BH]

dibantu bagi mengelak tam-bahan bayaran oleh pengguna," katanya selepas merasmikan Minggu Mesra Siswa Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), (Kemasukan Diploma) Kampus Gong Badak, di sini, malam kelmarin.

Seramai 750 pelajar diploma mendaftar pada sesi kemasukan tahun ini bagi mengikuti pengajian di tujuh fakulti yang ditawarkan di universiti itu. Isteri Menteri Besar, To' Puan Halina Zakaria; Naib Canselornya, Datuk Professor Dr Yahaya Ibrahim dan Timbalan Naib Canselor, Prof Madya Dr Nik Wan Omar, turut hadir.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas keputusan SATU yang akan mengenakan caj sewa meter air mulai bulan ini.

Perkara itu dinyatakan dalam pekeliling keputusan mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah SATU kedua pada 25 November tahun lalu yang ditampal di kaunter bayaran bil SATU di sini.

Mengikut pekeliling itu lagi yang ditandatangani Ketua Pegawai Eksekutif SATU, Husain Embong, kadar yang dikenakan adalah sebanyak RM1 sebulan bagi setiap akaun dan caj itu hendaklah dimasukkan di dalam bil air bulanan pengguna meliputi

semua cawangan dan daerah yang SATU memberi perkhidmatan, berkuatkuasa 1 Jun lalu.

### Cari jalan penyelesaian

Ahmad Razif berkata, kerajaan negeri juga akan mencari jalan bagi menyelesaikan pelbagai isu sedang dihadapi SATU termasuk masalah kecurian air dan meter oleh mereka yang tidak bertanggungjawab.

Katanya, disebabkan masalah itu SATU juga kini mengalami kerugian dari segi operasi perkhidmatan dan perlu mencari sumber alternatif untuk ditampung.